
TEKS UCAPAN PENGARAH POLITEKNIK MERLIMAU

**SEMPENA MAJLIS PENUTUP KURSUS MICRO
CREDENTIAL ADDITIVE MANUFACTURING**

**ANJURAN UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN
PMM (ULPL)
DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH), JKM**

Terima kasih Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t & Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Madani,

Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia,

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam PMMWarriors.

**YANG BERUSAHA ENCIK MOHAMAD SHAFIQ BIN
MOHAMAD RADZUAN,**

Penolong Pengarah, Bahagian Kolaborasi Industri dan
Komuniti,

Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti

YANG BERUSAHA TS ZAN AIZUWAN BIN ZAINAL ABIDIN,
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik,
Politeknik Merlimau

YANG BERUSAHA EN AHMAD AUZANI BIN RAZALI,
Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan,
Politeknik Merlimau

**YANG BERUSAHA EN MOHAMAD NAJIB BIN MOHAMAD
ZAIN,**
Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal,
Politeknik Merlimau

**BARISAN PENGURUSAN POLITEKNIK MERLIMAU,
MELAKA**

PARA PENSYARAH,

DAN PARA PESERTA KURSUS YANG DIKASIHI SEKALIAN.

1. Pembukaan & Penghargaan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam sejahteraan Salam Malaysia MADANI serta Salam
PMM Warriors.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul dalam majlis yang penuh bermakna ini, iaitu **Majlis Penutup Kursus Micro Credential Additive Manufacturing**, anjuran Unit Latihan dan Pendidikan (ULPL, PMM) dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Merlimau.

Saya terlebih dahulu ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berusaha Encik Mohamad Shafiq bin Mohamad Radzuan, Penolong Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, atas kesudian menerima jemputan kami dan hadir untuk bersama-sama meraikan kejayaan para peserta hari ini. Kehadiran tuan amat kami hargai sebagai tanda sokongan kepada usaha Politeknik Merlimau memperkasa pendidikan teknikal dan vokasional.

2. Kepentingan Bidang Additive Manufacturing

Hadirin yang saya hormati,

Additive Manufacturing, atau lebih dikenali dengan nama **teknologi cetakan 3D**, kini merupakan antara bidang yang berkembang pesat di peringkat global. Teknologi ini telah merevolusikan cara pengeluaran dilakukan, daripada sekadar prototaip kepada penghasilan komponen sebenar untuk industri berimpak tinggi seperti aeroangkasa, automotif, kesihatan, pembinaan, dan juga industri kreatif.

Dengan teknologi ini, proses reka bentuk menjadi lebih fleksibel, kos dapat dijimatkan, masa pengeluaran dapat dipendekkan, dan inovasi dapat diterjemahkan dengan lebih cepat. Malah, Additive Manufacturing kini diiktiraf sebagai salah satu tunjang utama dalam agenda Revolusi Industri 4.0 yang menuntut tenaga kerja berkemahiran tinggi, kreatif dan berdaya saing.

3. Peranan Politeknik dan Micro Credential

Politeknik Merlimau melalui penganjuran kursus ini bukan sahaja melengkapkan peserta dengan pengetahuan teknikal, tetapi juga memperkukuhkan kemahiran yang diperlukan oleh industri.

Kursus berbentuk **Micro Credential** ini merupakan satu inisiatif dalam menyokong Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) melalui perluasan capaian pembelajaran dan pembungan diri, akademik dan profesional individu dan membolehkan ianya menjadi pusat **TVET for All**. Ia membolehkan pelajar, pekerja industri, dan komuniti mendapatkan ilmu dalam modul bersaiz kecil yang diiktiraf, tanpa perlu mengikuti program panjang secara formal.

Pelaksanaan kursus ini di politeknik dikenali sebagai **Micro Credential Standalone (MC Standalone)** atau pun program pengiktirafan mikro secara sendiri. Pendekatan ini sangat relevan, kerana ia memberi peluang kepada semua golongan meningkatkan pengetahuan mengikut keperluan kerjaya dan keupayaan masing-masing.

Kursus ini menjangkakan ianya dapat melahirkan komuniti berkemahiran dan juga pekerja kompeten melalui **Program Reskilling & Upskilling** yang berdasarkan kepakaran yang terdapat di kalangan pensyarah di Politeknik.

Politeknik, sebagai institusi TVET, berperanan besar dalam menghubungkan dunia pendidikan dengan keperluan industri sebenar. Justeru, penganjuran kursus seperti ini mencerminkan komitmen kita dalam menyokong pembangunan modal insan berkemahiran tinggi serta menyahut seruan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memperkukuh agenda pendidikan sepanjang hayat.

4. Penghargaan

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **tahniah** dan **syabas** kepada semua peserta yang telah berjaya menamatkan kursus ini dengan penuh dedikasi. Difahamkan bahawa para peserta kursus ini terdiri daripada wakil industri, seorang alumni Politeknik Merlimau Melaka, beberapa alumni Politeknik daripada POLISAS, PSAS serta PKB, dan turut disertai oleh alumni daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Saya yakin, sepanjang kursus ini dijalankan,

para peserta telah memperoleh pendedahan yang bermanfaat bukan sahaja dari segi teori, tetapi juga praktikal, yang boleh terus diaplikasikan dalam kerjaya masing-masing.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada **Unit Latihan dan Pendidikan (ULPL, PMM) dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Jabatan Kejuruteraan Mekanikal** yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini. Tidak dilupakan juga barisan fasilitator dan pensyarah yang telah berkongsi kepakaran serta meluangkan masa membimbing peserta sehingga ke hari ini.

Ucapan terima kasih turut saya tujukan kepada pihak industri dan komuniti yang sentiasa memberikan sokongan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam memastikan program sebegini relevan dengan keperluan semasa.

5. Harapan

Hadirin sekalian,

Saya ingin mengajak para peserta untuk tidak menjadikan kursus ini sebagai penamat perjalanan ilmu, sebaliknya sebagai **permulaan** kepada penerokaan bidang teknologi yang lebih luas. Dunia teknologi sentiasa berubah dan bergerak

pantas, justeru kita perlu sentiasa bersedia untuk menambah ilmu, meningkatkan kemahiran, dan menyesuaikan diri dengan perkembangan baharu.

Saya percaya, ilmu dan kemahiran yang diperoleh melalui kursus ini akan memberi nilai tambah yang besar kepada kerjaya anda, di samping menyumbang kepada daya saing negara di peringkat global.

Saya juga berharap agar kursus seperti ini dapat diteruskan dengan variasi modul lain pada masa hadapan, melibatkan lebih ramai peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat. Dengan cara ini, Politeknik Merlimau dapat terus memainkan peranan sebagai pusat kecemerlangan ilmu yang inklusif dan mesra komuniti.

6. Penutup

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua peserta kursus, dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini. Semoga segala usaha kita ini menjadi amal jariah dalam memperkasa ilmu, membina komuniti berdaya saing, dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Dengan penuh sukacita, saya dengan ini merasmikan
**Penutupan Kursus Micro Credential Additive
Manufacturing.**

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.